



## SYARAT-SYARAT KHAS LESEN TADIKA/TASKA

### 1. SYARAT AM

1.1 Mendapat kelulusan dari Jabatan Teknikal bagi :-

- Tadika – Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
- Taska – Pejabat Kebajikan Masyarakat

1.2 Bangunan yang digunakan untuk dijadikan tadika hendaklah mengikut piawaian/garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Majlis Daerah Kuala Langat.

### 2 RUANG JAGAAN

2.2 Ruang bilik bagi seorang murid ialah 16 kaki persegi dan ruang bilik bagi seorang guru ialah 60 kaki persegi.

2.3 Tiap-tiap bilik hendaklah mempunyai tingkap minima 10% daripada luas lantai bilik.

2.4 Lantai hendaklah berkonkrit dan kuat serta berwarna cerah seperti lantai jubin, vinyl, epoxy floor, floor hardener atau lain-lain bahan seumpamanya.

2.5 Dinding hendaklah dipasang dengan bahan kalis air yang senang dicuci dan berwarna cerah.

### 3 KESELAMATAN

2.1 Menutup semua soket elektrik yang terdapat di dinding premis.

2.2 Memastikan alat-alat permainan bersih dan selamat digunakan.

2.3 Parit didalam kawasan Tadika hendaklah ditutup dengan "Tapak Tetulang Konkrit" (Slab)

2.4 Pagar premis hendaklah diperbuat daripada bahan yang tidak berkarat.

### 3. KEBERSIHAN

3.1 Premis hendaklah mempunyai bilik tandas lelaki dan perempuan yang berasingan serta kemudahan-kemudahan mencuci tangan seperti besin dan singki yang mencukupi.

### 4. STOR PENYIMPANAN

4.1 Semua barang-barang dan peralatan hendaklah berkeadaan baik dan bersih serta diletak atau disimpan di atas rak, cabinet atau meja yang sempurna.

### 5. LAIN-LAIN

5.1 Pengendali makanan hendaklah membuat pemeriksaan perubatan dan mendapatkan suntikan TY2.

5.2 Keseluruhan premis hendaklah bebas daripada serangga dan haiwan rodensia serta haiwan peliharaan.

5.3 Mengadakan kawasan permainan di luar bangunan.

### **PERINGATAN**

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekitaran  
Majlis Daerah Kuala Langat